

# CANSELORI



PEGAWAI Jakim dan para pengarah pusat Islam yang menghadiri Mesyuarat antara Jakim dengan pusat Islam universiti-universiti Awam di UMS, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

## Pusat Islam UMS, Jakim jalin kerjasama tangani isu semasa

UM 6.5.2015 42

**KOTA KINABALU 5 Mei** - Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedia bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam menyampaikan maklumat khususnya isu-isu semasa berkaitan dengan ajaran Islam.

Perkara itu termasuk melalui penganjuran wacana khas, penyediaan teks khutbah Jumaat di masjid universiti dan penganjuran program-program kesedaran kecintaan kepada agama dan negara serta keharmonian hidup dalam negara

pelbagai kaum.

Kesediaan untuk menjalin kerjasama tersebut dinyatakan menerusi satu kenyataan oleh wakil Pusat Islam UMS sempena mesyuarat antara Jakim bersama pengarah-pengarah pusat Islam universiti-universiti awam dan institusi pengajian tinggi (IPT) di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif UMS dekat sini baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut antara lain turut menyentuh tentang kerjasama dalam memberi penerangan jelas berkaitan isu jihad dan Indeks

Syariah Malaysia.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jakim, Datuk Razali Shahabudin itu juga mengesyorkan agar pihak pusat Islam setiap universiti membuat penyelarasan dengan agensi-agensi berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung penganjuran program-program penerangan isu.

Isu-isu berkenaan adalah seperti salah faham terhadap jihad yang semakin runcing sejak akhir-akhir ini.